

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai Pembiayaan Auto-i Hong Leong anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda harus membacanya juga.	 Pembiayaan Auto-i Tarikh:
1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?	
Pembiayaan Auto-i Hong Leong ialah satu kemudahan Sewa Beli Islamik (Kemudahan) yang ditawarkan kepada anda untuk membiayai sebahagian daripada pembelian kenderaan pilihan anda. Setelah menerima Kemudahan tersebut, anda (Penyewa) akan memeterai perjanjian Sewa Beli dengan pihak Bank (Pemilik). Keuntungan bagi kemudahan ini akan dikenakan pada kadar keuntungan tetap setiap tahun. Setelah jumlah keseluruhan diselesaikan, pemilikan kenderaan akan dipindahkan kepada anda. Produk ini berlandaskan Kontrak Syariah Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB). AITAB merujuk kepada sewaan yang berakhir dengan penjualan aset.	
2. Ketahui Kewajipan Anda	
Untuk Pembiayaan Auto-i ini, sebagai ilustrasi - Amaun Pembiayaan Anda: RMxx - Tempoh Pembiayaan Anda: x tahun - Kadar Keuntungan: x.xx% - Kadar Peratusan Tahunan: x.xx% p.a. - Ansuran bulanan anda: RMxx Secara keseluruhan, anda akan membayar RMxxxx pada akhir x tahun.	
Fi dan Caj Fi dan Caj standard: - Duti Setem - Pendaftaran Tuntutan Hak Milik RM3.00 (Tertakluk pada SST) Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami di www.hlbislamic.com.my/financing2 atau imbas di sini. 	Adalah tanggungjawab anda untuk: - Baca dan fahami terma penting dalam Terma dan Syarat Perjanjian Sewa Beli-i sebelum anda menandatangani. - Bayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya untuk setiap bulan. Hubungi kami jika anda ingin menjelaskan pembiayaan anda lebih awal. - Hubungi kami segera jika anda tidak mampu membayar ansuran bulanan anda.
3. Ketahui Risiko Anda	
a) Caj Pampasan (Ta'widh) - Bagi kegagalan pembayaran ketika dalam tempoh kemudahan = sehingga 1% setahun ke atas ansuran tertunggak; - Bagi keingkaran pembayaran yang menyebabkan kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah = sehingga 1% setahun ke atas baki tertunggak (baki prinsipal tertunggak ditambah keuntungan terakru); - Bagi keingkaran pembayaran selepas penamatan tempoh kemudahan = kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam ("IIMM") ke atas jumlah baki tertunggak (baki prinsipal tertunggak ditambah keuntungan terakru); dan - Bagi keingkaran pembayaran selepas penghakiman = kadar IIMM ke atas jumlah penghakiman asas. Nota: - Caj pampasan tidak boleh dikompaun dan tidak boleh melebihi jumlah prinsipal tertunggak. (Kaedah dan kadar caj pampasan adalah tertakluk pada perubahan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. - Caj pampasan dikira atas dasar harian dari tarikh kena bayar/matang/penghakiman. b) Kami akan menarik balik kenderaan jika: - tiada pembayaran ansuran sebanyak dua (2) bulan berturut-turut dan Notis Jadual Keempat yang dikeluarkan pada tunggakan itu telah tamat tempoh; atau - Kegagalan untuk membayar ansuran terakhir; atau - Jika Penyewa meninggal dunia dan tiada pembayaran ansuran sebanyak empat (4) bulan berturut-turut daripada saudara terdekat.	

- c) Semua perbelanjaan yang ditanggung semasa penarikan balik kenderaan akan dicaj ke akaun Pembiayaan Auto-i Kadar Tetap anda.
- d) Kami akan menolak sebarang baki belum jelas dalam akaun pembiayaan ini daripada baki kredit dalam akaun deposit anda dengan kami. Kami akan memberi notis tujuh (7) hari kepada anda sebelum melaksanakan hak ini.
- e) Anda bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang jumlah yang masih kurang selepas kenderaan dijual.
- f) Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal bertindak balas terhadap notis peringatan.
- g) Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan terhadap penarafan kredit anda yang boleh menyebabkan kredit menjadi lebih sulit atau mahal bagi anda.

4. Terma Utama Yang Lain

Anda akan berhak mendapat ibra' (rebat), yang merupakan pembayaran balik caj penambahan bagi tempoh yang belum luput. Rebate akan dikira berdasarkan formula yang ditetapkan oleh Akta Sewa Beli seperti berikut:

$$R = TC \times \frac{n(n+1)}{N(N+1)} \text{ di mana,}$$

R mewakili rebat keuntungan

TC mewakili jumlah keuntungan yang dibayar sepanjang tempoh pembiayaan

n mewakili baki tempoh pembiayaan dinyatakan dalam bulan

N mewakili tempoh pembiayaan asal dinyatakan dalam bulan

Sebarang pembayaran yang dibuat melebihi bayaran bulanan yang dijadualkan akan dianggap sebagai pembayaran terdahulu. Pembayaran sedemikian tidak akan sama sekali mengurangkan jumlah keuntungan yang perlu dibayar dan tidak boleh dikeluarkan semula. Pembayaran terdahulu tersebut akan digunakan untuk membayar ansuran seterusnya apabila ia perlu dijelaskan, serta sebarang fi dan caj yang berkenaan (jika perlu).

Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Ya. Perlindungan Takaful untuk kenderaan adalah wajib. Anda hendaklah memastikan kenderaan tersebut dilindungi di bawah perlindungan takaful kenderaan komprehensif sepanjang tempoh sewaan

Pada tahun pertama, Kenderaan tersebut boleh dilindungi di bawah insurans komprehensif, jika:

- 1) Tiada perlindungan takaful ditawarkan atau tersedia di pasaran untuk kenderaan tersebut;
- 2) Permohonan anda untuk perlindungan takaful bagi kenderaan tersebut ditolak oleh semua pengendali takaful; atau
- 3) Premium insurans adalah jauh lebih kompetitif daripada sumbangan takaful untuk perlindungan setara.

Mulai tahun kedua dan seterusnya, anda digalakkan untuk melanggan perlindungan takaful komprehensif untuk Kenderaan tersebut.

Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami bagi sebarang perubahan maklumat perhubungan seperti nombor telefon, alamat surat-menyurat dan alamat e-mel untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemas kini butiran maklumat perhubungan anda, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami.

5. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan untuk Pembiayaan Auto-i anda, anda boleh:



Hubungi kami di:

03-7626 8899 atau e-mel kami di
hlonline@hlbb.hongleong.com.my
untuk pertanyaan umum.



Layari kami di:

www.hlbislamic.com.my/AutoFin-bm

Untuk maklumat lanjut, sila
imbas di sini:



Maklumat yang dinyatakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada